

PEKELILING NAIB CANSOLOR

Bilangan 06 Tahun 2020

**ARAHAN
PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
MENGENAI HAL EHWAL STAF
MULAI 18 MAC HINGGA 31 MAC 2020
DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini memaklumkan mengenai Arahan Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan mengenai Hal Ehwal Staf UiTM mulai 18 Mac hingga 31 Mac 2020.

2.0 LATAR BELAKANG

Merujuk kepada Perutusan Khas YAB Perdana Menteri mengenai pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan mulai 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020 yang dibuat di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967 dan akan dikuatkuasakan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Justeru itu, Mesyuarat Khas Majlis Eksekutif Universiti pada 17 Mac 2020 telah mengarahkan kawalan pencegahan berkaitan COVID-19 di UiTM, sebagai kawalan penularan wabak Pandemik COVID-19.

3.0 PELAKSANAAN

Perintah Kawalan Pergerakan adalah meliputi arahan seperti berikut:

3.1 PENUTUPAN SEMENTARA OPERASI UiTM

Semua operasi perkhidmatan UiTM melibatkan pejabat, makmal dan pusat tanggungjawab adalah ditutup sementara bermula 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020 **KECUALI PERKHIDMATAN PENTING UNIVERSITI** (*essential services*) sepertimana yang telah digariskan dalam Perutusan Khas YAB Perdana Menteri mengenai COVID-19 pada 16 Mac 2020.

Staf di bawah kategori Perkhidmatan Penting Universiti **PERLU** menyerahkan senarai nama, PTJ dan nombor staf kepada polis bantuan di pintu masuk utama UiTM Shah Alam dan UiTM kampus cawangan apabila diminta hadir bertugas.

Semua staf UiTM adalah dibenarkan untuk bekerja dari rumah. Bagi tujuan ini, staf adalah dibenarkan untuk membawa pulang peralatan keperluan seperti laptop (dengan izin Ketua Jabatan mengikut kategori tugas) dan dokumen-dokumen yang **BUKAN DIKATEGORIKAN SEBAGAI RAHSIA.**

Staf UiTM adalah diingatkan untuk sentiasa berada di rumah dalam tempoh ini dan mengehendkan pergerakan **KECUALI** apabila menerima arahan sah daripada pengurusan UiTM.

Semua staf **MESTILAH BOLEH** dihubungi serta bersedia untuk kembali bertugas ke pejabat atau mana-mana lokasi lain sekiranya diperlukan oleh pengurusan UiTM.

Kehadiran di pejabat adalah dibenarkan bagi tujuan-tujuan kritikal dan pada masa-masa tertentu sahaja serta digalakkan untuk dibuat secara penggiliran.

3.2 PENJADUALAN SEMULA KALENDAR AKADEMIK UiTM SESI MAC – JULAI 2020

Semua sesi penyampaian dan pembelajaran **DITANGGUHKAN** sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan.

Semua urusan pengkuliah dan peperiksaan serta cuti pertengahan semester akan dijadualkan semula mengikut **KALENDAR AKADEMIK SESI MAC – JULAI 2020 TERKINI** yang akan dikeluarkan dalam masa terdekat.

4.0 BILIK GERAKAN KHAS COVID-19 UiTM

Sebarang pertanyaan dan bantuan yang diperlukan, sila hubungi:

**Bilik Gerakan Pusat Kesihatan UiTM Shah Alam
Telefon : 03-5544 3528**

5.0 TARIKH DIKELUARKAN


Pekeliling ini dikeluarkan pada 17 Mac 2020

6.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mengikut tarikh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan bermula 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020. Pemakluman terkini akan dibuat dari semasa ke semasa.

7.0 PEMAKAIAN

- 7.1 Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua **STAF** Universiti Teknologi MARA dan untuk **edaran dalaman sahaja**.
- 7.2 **Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama Perutusan Khas YAB Perdana Menteri mengenai COVID-19 pada 16 Mac 2020.**
- 7.3 Kegagalan staf UiTM untuk mematuhi pekeliing ini boleh dikenakan tindakan tatatertib.



PROF. EMERITUS DATUK IR. DR. MOHD AZRAAI BIN KASSIM
Naib Canselor

Salinan Kepada:
Semua Rektor UiTM Cawangan
Semua Dekan Fakulti
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Pusat / Unit
Semua Warga UiTM

Bil. Fail : 100-UiTM (NC 6/2)
No Siri : 100-UiTM (NC 6/2) 06